

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
(TALKING POINTS)**

**YB DATUK HAJI LEN TALIF SALLEH
TIMBALAN MENTERI
PEMBANGUNAN BANDAR, PENTADBIRAN TANAH DAN SUMBER
ASLI SARAWAK**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2025
PERINGKAT SARAWAK**

TARIKH: 21 APRIL 2025

TEMPAT: POLITEKNIK KUCHING

1. YB Datuk Haji Len Talif Salleh
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak
2. Yang Berusaha Datu Jack Anak Liam, Controller Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB)
3. Yang Berusaha En. John Anak Rampai, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
4. Yang Berusaha En Stephen Chin
Group CEO Group Chief Executive Officer
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.
5. Yang Berusaha Cr. Tan Kai
Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan
6. Yang Berusaha En Samsudin bin Mohd Saleh
Pengarah Politeknik Kuching
7. Ketua-ketua dan wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri
8. Pengamal media

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat melaksanakan program kita pada hari ini.

2. Penghargaan kepada penganjur dan Politeknik Kuching sebagai tuan rumah sambutan hari bumi

- Politeknik bukan institusi pengajian tinggi asing bagi diri saya. Portfolio terdahulu adalah sebagai Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Promosi Pendidikan Teknikal dan Alam Sekitar) sebelum dilantik menjadi Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak.
- Penghargaan kepada Politeknik Kuching yang dipilih sebagai tuan rumah Penganjuran Sambutan Hari Tahun 2025 Peringkat Negeri Sarawak.
- Penghargaan juga kepada kepada Jawankuasa Penganjur dan terima kasih kerana menjemput saya merasmikan program sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2025.

SAMBUTAN HARI BUMI

3. Tarikh Sambutan Hari Bumi

- Hari Bumi mula disambut pada 22 April 1970. Bermula dari itu, sambutan Hari Bumi seluruh dunia disambut di 192 buah negara pada 22 April.

- sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.
- Sehingga 22 April 2025, sambutan Hari Bumi telah mencapai ulang tahun ke-55

4. Tema Sambutan Hari Bumi Tahun 2025

- Sambutan Hari Bumi tahun 2025 adalah bertemakan “***Our Power, Our Planet***”.
- Tema tahun ini adalah untuk menggalakkan ke arah memanfaatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi memastikan masa depan sihat, mampan dan makmur (*commit to harnessing renewable energy to build a healthy, sustainable, equitable and prosperous future for us all*).
- Menggalakkan peralihan ke arah penggunaan tenaga boleh diperbaharui e.g. solar, angin, hydro-electric, tidal atau geothermal.
- Tema ini selari dengan apa yang telah ditetapkan dalam PCDS 2023 oleh kerajaan Sarawak, *iaitu by 2030, Sarawak will be a thriving society driven by data and innovation where everyone enjoys economic prosperity, social inclusivity and sustainable environment*.
- *Sasaran jangka panjang Kerajaan Sarawak melalui SEB ialah jumlah penggunaan tenaga yang seimbang
 - iaitu 60% dari hidro, 35% dari haba dan 5% dari tenaga boleh diperbaharui alternatif:

- Jumlah kapasiti terpasang menjelang 2030 dijangka sebanyak 8675 MW (*sumber: SEB, semasa Ucapan Perasmian Hari Bumi Tahun 2024 di UITM Sarawak*).
- *Bagi meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui di Sarawak, pihak Sarawak Energy akan memajukan
 - Ladang Solar Terapung Batang Ai (berkapasiti 50MW);
 - Projek Perintis Sistem Penyimpanan Tenaga bateri 60MW di Sejingkat; dan
 - projek penyerapan gas karbon dioksida daripada Loji Arang Batu Sejingkat Power Corporation menggunakan mikroalgae (Chitose Carbon Capture Central Sarawak).
- **(Nota Tambahan: Kerajaan Sarawak melalui SEB, telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 73% bagi tempoh 2010-2021 dengan memanfaatkan tenaga hidro yang boleh diperbaharui, gas asli dan sumber arang batu sebagai punca bekalan tenaga – sumber dari SEB semasa Ucapan Perasmian Hari Bumi Tahun 2024 di UITM Sarawak).*

**sumber rujukan: input pihak SEB dalam Ucapan Perasmian Hari Bumi Tahun 2024 di UITM Sarawak*

PENGELIBATAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR

5. Institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam penjagaan alam sekitar

- menjalankan kajian dan inovasi teknologi yang mesra alam
- melahirkan tenaga kerja yang memahami dan menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar
- bekerjasama dengan industri untuk memindahkan teknologi dan pengetahuan dalam pemeliharaan alam sekitar (e.g. pemindahan pengetahuan dari penyelidikan akademik ke aplikasi industri yang praktikal)
- memainkan peranan memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar melalui program-program kesedaran awam

6. Melalui usaha-usaha ini, IPT adalah peneraju penting dalam melahirkan generasi tenaga kerja yang kompeten, peka terhadap kelestarian alam sekitar dan menyebarkan pengetahuan serta teknologi untuk kebaikan bumi kita.

PENGURUSAN SISA BUANGAN

7. Mempertingkatkan amalan 3R (reduce, reuse, recycle)

- Cabaran dan bebanan yang berat ditanggung oleh bumi akibat peningkatan penghasilan buangan sisa buangan.
- Peningkatan jumlah sisa buangan bertambah setiap tahun kerana amalan “pakai buang” masih berleluasa. Termasuk barangan

kegunaan yang diperbuat dari sumber semula jadi e.g.. sisa makanan.

- Menurut laporan terkini sebanyak 282,000 metrik tan sisa pepejal telah dilupuskan di Kuching Integrated Waste Management Park, Mambong.
- Amalan terbaik adalah mewujudkan dan mengekalkan ekonomi kitaran semula barangan dan bahan-bahan terpakai iaitu bahan-bahan terpakai dikitar semula dan diperoleh kembali tanpa menghasilkan sisa.
- Melalui konsep ekonomi kitar juga, dapat mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan penjanaaan produk bahan-bahan baru
- Saya menggalakan agar para pelajar mengambil peluang ini menghasilkan produk-produk inovatif dan bermakna hasil daripada barangan terpakai.
- Pengurangan sisa bermula dari diri kita sendiri iaitu melalui amalan seperti membeli secara berhemah, mengelakkan penggunaan barangan sekali guna, serta memanfaatkan semula barangan yang masih elok.
- Amalkan **pengasingan sisa** bagi sisa yang boleh dikitar semula seperti plastik, kertas, kaca dan logam daripada sisa organik. Amalan ini memudahkan proses kitar semula, mengurangkan beban di tapak pelupusan, dan mempercepatkan pemprosesan sisa kepada sesuatu yang lebih bermanfaat.

8. Waste To Energy

- Kerajaan Sarawak merancang untuk memperkukuhkan pelaksanaan *waste to energy*.

- Melalui teknologi ini, sisa pepejal yang tidak boleh dikitar semula akan diproses untuk menjana tenaga, sama ada dalam bentuk elektrik, haba ataupun bahan api.
- Ini merupakan satu langkah bijak dalam menangani sisa sambil memenuhi keperluan tenaga yang kian meningkat.
- Antara kelebihan teknologi Waste to Energy termasuklah:
 - Mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.
 - Menjana tenaga elektrik yang boleh digunakan oleh masyarakat.
 - Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang berpunca daripada pelupusan sisa secara terbuka.
 - Membantu menjadikan negara kita lebih mampan dan mesra alam.

9. Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama memupuk budaya menjaga alam sekitar melalui **pengurangan sisa, pengasingan sisa di punca, dan menyokong teknologi lestari seperti Waste to Energy**. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak di bahu pihak berkuasa, tetapi turut menuntut kerjasama setiap lapisan masyarakat.

PENGURUSAN E-WASTE

10. E-waste merupakan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama / usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peti sejuk dan pendingin hawa.

- Penjanaan e-waste terbahagi kepada 2 jenis punca iaitu daripada **sektor industri** dan yang dihasilkan **daripada isi rumah**.
- Komponen di dalam e-waste mengandungi komponen logam seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berlium, dan pelbagai lagi

- e-waste membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar jika e-waste dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam e.gi dibuang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya
- E-waste juga mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang mempunyai nilai kitar semula yang tinggi semula

11. Mewujudkan Pusat Pengumpulan e-waste isi rumah (household ewaste)

- Kempen berkaitan pengumpulan ewaste serta ceramah kesedaran berkaitan ewaste giat dilaksanakan melalui kerjasama NREB, JAS, PBT dan pihak yang dilesenkan oleh JAS.
- Sebanyak 36 kempen BEE telah diadakan pada 2023, 19 kempen pada 2024 dan sehingga Mac 2025, 4 kempen telah diadakan.
- Sejumlah 487118.52 kilogram ewaste telah dikumpul melalui kempen BEE yang telah diadakan sejak tahun 2020.
- Sehingga kini hanya ada 5 Pusat Pengumpulan e-waste isi rumah di Sarawak yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar iaitu 4 di Bahagian Kuching dan satu di Miri
- Masih belum mencukupi dan tidak menampung keperluan orang ramai.
- Perlu diwujudkan banyak pusat pengumpulan e-waste yang mana pusat pengumpulan ini perlu sesuai dari segi lokasi untuk orang awam membuang e-waste mereka.

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

12. Memelihara dan memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab bersama semua golongan masyarakat, tidak hanya berharap dan diserahkan kepada pihak kerajaan semata-mata.

- tanggungjawab besar tersebut perlu dipenuhi dalam dua fasa; iaitu fasa pertama: mencetuskan kesedaran dan fasa kedua melaksanakan tindakan.

13. Saya sangat menghargai kerjasama pelbagai pihak dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar khususnya di peringkat negeri Sarawak. Semoga usaha dan kerjasama agensi di peringkat negeri Sarawak dan agensi persekutuan serta sokongan pihak swasta dan masyarakat dalam melaksanakan program begini dapat dipertingkatkan.

PENUTUP

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi penganjur iaitu Jabatan Alam Sekitar Sarawak, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, Politeknik Kuching, Majlis Perbandaran Padawan, dan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan majlis sambutan ini.

15. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak swasta, pihak NGO serta semua pihak termasuk pihak media, para pelajar dan masyarakat yang berganding bahu dan terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini.

16. Sehubungan itu, dengan Lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Bumi 2025 Peringkat Sarawak

Sekian, terima kasih.